

20/03/1998

Mahathir, Goh rasmi laluan kedua 18 April

KUALA LUMPUR, Khamis - Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan rakan sejawatannya di Singapura, Goh Chok Tong, akan membuka dengan rasmi laluan kedua Malaysia-Singapura bulan depan.

Menteri Kerja Raya, Datuk Seri S Samy Vellu, berkata kedua-dua pemimpin itu sudah bersetuju untuk membuka secara bersama laluan kedua itu pada 18 April depan.

"Mereka akan melakukan perasmian itu pada jam 9.30 pagi," katanya kepada pemberita selepas menyaksikan majlis menandatangani perjanjian penswastaan urusan pengendalian bangunan gunasama Kerajaan Persekutuan di kementerian itu.

Menurutnya, laluan kedua itu akan mengurangkan masa perjalanan kepada hampir 30 minit, berbanding kira-kira tiga jam jika menggunakan Tambak Johor.

(END)